

EDISI 2026



BUKU PANDUAN
Graduan
ISTIADAT KONVOKESYEN
KE-29

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera,

Para graduan yang diraikan;

Sempena penganjuran Istiadat Konvokesyen Ke-29, pihak Universiti Islam Selangor (UIS) ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas kejayaan saudara dan saudari.

Untuk makluman, Istiadat Konvokesyen Ke-29 akan diadakan di Dewan Sultan Idris Shah UIS pada 12 dan 13 Ogos 2026 bersamaan 29 dan 30 Safar 1448H.

Istiadat Konvokesyen Ke-29 UIS akan diadakan secara bersemuka dengan kehadiran tetamu (ibu/ bapa/ penjaga/ pasangan) bersama graduan mengikut tarikh program yang telah ditetapkan.

Istiadat Konvokesyen UIS melibatkan graduan daripada:

- a) Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan (**FEPP**).
- b) Fakulti Pengajian Peradaban Islam (**FPPI**).
- c) Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran (**FMKK**).
- d) Fakulti Pendidikan (**FP**).
- e) Fakulti Syariah dan Undang-undang (**FSU**).
- f) Fakulti Sains Sosial (**FSS**).

1.0 PENGESAHAN KEHADIRAN

- 1.1 Pengesahan Kehadiran Graduan hendaklah diisi dengan kadar segera.
- 1.2 Pengesahan boleh dibuat melalui pautan laman sesawang rasmi Istiadat Konvokesyen UIS (<http://konvo.uis.edu.my>) bermula pada tarikh **13 Julai 2026 (Isnin)** sehingga **7 Ogos 2026 (Jumaat)**.
- 1.3 Pengesahan kehadiran **hanya boleh dibuat sekali sahaja**.
- 1.4 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sesi yang ditetapkan.
- 1.5 Graduan **tidak dibenarkan menangguhkan Istiadat Konvokesyen ataupun mewakili kepada individu lain** bagi menghadiri Istiadat Konvokesyen.

2.0 RINGKASAN ATUR CARA MAJLIS

- 2.1 Graduan dikehendaki berkumpul dengan memakai **Pakaian Akademik** yang lengkap di hadapan pejabat Bahagian Keselamatan (Blok IT UIS) pada waktu yang ditetapkan.
- 2.2 Graduan diingatkan supaya **tidak melengahkan masa** untuk berkumpul bagi melalui proses semakan Kad Graduan (*RFID card*) dan pengesahan kehadiran.
- 2.3 **Kad Graduan** akan digunakan untuk tujuan paparan maklumat graduan semasa berjalan. **Sila simpan kad tersebut dan bawa bersama ke atas pentas.**
- 2.4 Kegagalan untuk membawa bersama kad akan menyebabkan graduan **tidak dibenarkan untuk naik ke pentas.**
- 2.5 Sekiranya graduan didapati melanggar etika berpakaian (rujuk **Perkara 15: Etika Pakaian**), pihak Jawatankuasa Perarakan Akademik dan Graduan akan meminta graduan untuk menyewa pakaian/ membayar caj perkhidmatan yang disediakan (sila rujuk **Perkara 17: Sewaan Dan Perkhidmatan Bagi Graduan Yang Tidak Menepati Etika Pakaian, Penampilan Dan Sahsia**).
- 2.6 **Sila awasi barang-barang berharga anda** semasa berada di dalam dewan. Pihak **UIS tidak akan bertanggungjawab** ke atas kehilangan barang-barang berharga tersebut.

- 2.7 Semasa majlis penganugerahan, nama graduan akan diumumkan untuk menerima:
- a) Ijazah Doktor Falsafah; atau
 - b) Ijazah Sarjana; atau
 - c) Ijazah Sarjana Muda; atau
 - d) Diploma.
- 2.8 Apabila nama diumumkan, graduan diminta **berjalan terus** ke arah Pengerusi Sidang Istiadat Konvokesyen, **tunduk** sebagai tanda hormat, **mengambil folder** dari Pengerusi Sidang bagi tujuan penerimaan Ijazah Doktor Falsafah/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Sarjana Muda/ Diploma dengan kedua belah tangan dan memberikan ucapan:
- a) “Menjunjung Kasih Tuanku” – sekiranya Pengerusi adalah Canselor.
 - b) “Terima Kasih” – sekiranya Pengerusi adalah Pro-Canselor.

3.0 JEMPUTAN TETAMU KE DALAM DEWAN

- 3.1 Graduan UIS bersama **dua (2) orang tetamu (ibu/ bapa/ waris/ pasangan/ ahli keluarga)** adalah dibenarkan hadir dan berada di dalam Dewan Sultan Idris Shah UIS.
- 3.2 Setiap tetamu akan diberi **satu (1) keping Pas Kebenaran Masuk Dewan** untuk dua (2) orang.
- 3.3 Tetamu **tidak dibenarkan masuk sekiranya tiada Pas Kebenaran Masuk Dewan**.
- 3.4 Dikehendaki mematuhi Perkara 15: **Etika Pakaian**.
- 3.5 Tetamu diminta mengambil tempat duduk **40 minit sebelum majlis bermula**.
- 3.6 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **tidak dibenarkan** masuk ke dalam dewan.
- 3.7 Diminta untuk **kekalkan berada di tempat duduk** sepanjang majlis berlangsung dan **diwajibkan menghormati keharmonian perjalanan majlis**.
- 3.8 Penggunaan **peranti rakaman peribadi adalah tidak dibenarkan** untuk merakam perjalanan majlis.

- 3.9 **Makanan atau minuman tidak dibenarkan** dibawa masuk ke dalam dewan.
- 3.10 Kebersihan dewan merupakan tanggungjawab bersama dan **dilarang membuang sampah di merata-rata tempat**. Sila buang sampah di tempat yang disediakan.
- 3.11 Universiti berhak menahan atau **tidak membenarkan** tetamu yang **tidak mematuhi** peraturan yang ditetapkan untuk memasuki dewan.

4.0 BAYARAN YURAN GRADUASI


- 4.1 Bayaran **Yuran Graduasi** bagi graduan UIS adalah berjumlah **RM 350.00** sahaja (**termasuk RM 25.00 Yuran Alumni**).
- 4.2 Pembayaran hendaklah dibuat sebelum atau pada **31 Julai 2026 (Jumaat)**.
- 4.3 Bayaran bagi pakej gambar **TIDAK** termasuk dalam Yuran Graduasi.
- 4.4 Sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan gambar, graduan boleh berhubung terus dengan pihak syarikat jurufoto rasmi yang dilantik.
- 4.5 Kaedah bayaran Yuran Graduasi:

a) Deposit Tunai (pembayaran di kaunter Bank Islam)






Bayaran ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) atas nama “UNIVERSITI ISLAM SELANGOR/ UIS”

No. Akaun: **12-029-01-0051764**

b) Melalui mesin ATM



c) Melalui laman sesawang (<https://www.web.bimb.com>)



- 4.6 Sila e-mel bukti bayaran ke studentfinance@uis.edu.my. Nyatakan bersama Nama Penuh, ID Pelajar (nombor matrik) dan rujukan: Bayaran Yuran Graduasi.
- 4.7 Graduan yang mendapat HPNG 3.75 dan ke atas pada semester terakhir pengajian diberikan **insentif 50% pengurangan** daripada jumlah bayaran Yuran Graduasi.
- 4.8 Walau bagaimanapun, graduan tetap perlu membayar Yuran Alumni sebanyak RM 25.00. Ini menjadikan jumlah keseluruhan bayaran Yuran Graduasi adalah sebanyak **RM 187.50**.

5.0 RESIT RASMI BAYARAN GRADUASI

Resit rasmi bayaran yuran akan dipaparkan dalam aplikasi [MyKonvo](#) setelah graduan membuat bayaran penuh mengikut kaedah yang telah ditetapkan. Pembayaran terakhir hendaklah dibuat sebelum atau pada **31 Julai 2026 (Jumaat)**.

6.0 PAKAIAN AKADEMIK

6.1 Jadual Hari Pengambilan Pakaian Akademik

Tempat	Dewan Kuliah Yusof Sahabuddin, Blok Akademik 1 (FEPP)
Tarikh	29 Julai 2026 (Rabu)
	30 Julai 2026 (Khamis)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang

6.2 Jadual Hari Pemulangan Pakaian Akademik

Tempat	Dewan Sultan Idris Shah
Tarikh	18 Ogos 2026 (Selasa)
	19 Ogos 2026 (Rabu)
Masa	9.00 pagi – 4.00 petang

6.3 Berikut merupakan **perkara penting** yang memerlukan perhatian semua:

- a) Graduan/ wakil boleh hadir pada mana-mana hari daripada ketetapan jadual di Perkara 6.1 dan Perkara 6.2.
- b) **Sila cetak dan bawa** bersama borang/ dokumen berkaitan sebelum berurusan.
- c) Sekiranya perlu memulangkan set Pakaian Akademik dengan kadar segera selepas tamat/ selesai pelaksanaan sidang Istiadat Konvokesyen, graduan hendaklah memaklumkan kepada petugas Jawatankuasa Jubah & Skrol **sewaktu Hari Pengambilan Pakaian Akademik** dengan melampirkan dokumen berkaitan sebagai sokongan.
- d) **Perkara 6.3 (c) hanya terpakai pada graduan yang telah membuat pemakluman awal** dan disebabkan **urusan yang tidak dapat dielakkan sahaja** (contohnya perlu ke KLIA untuk penerbangan pulang).
- e) Bagi graduan/ wakil yang tidak membuat pemakluman awal, **mohon patuhi ketetapan** seperti di Perkara 6.3 (a).
- f) Pengecualian yang diberi bagi Perkara 6.3 (c) adalah **tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara** Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen Ke-29 UIS.

6.4 **Set Pakaian Akademik** yang lengkap adalah sebagaimana jadual di bawah:

ITEM	PROGRAM PENGAJIAN			
	DIP	ISM	SJN	PHD
Jubah	✓	✓	✓	✓
<i>Hood</i>		✓	✓	
Topi petak (<i>mortarboard</i>)	✓	✓	✓	
Topi bulat (<i>bonnet</i>)				✓
Selempang anugerah	Penerima anugerah akademik sahaja			

* **DIP:** Diploma | **ISM:** Ijazah Sarjana Muda | **SJN:** Ijazah Sarjana | **PHD:** Ijazah Doktor Falsafah

- 6.5 Warna jubah graduan mengikut program pengajian adalah sebagaimana jadual di bawah:

PROGRAM PENGAJIAN	KETERANGAN JUBAH		
	JALUR LENGAN	WARNA	
Diploma	1 jalur kecil	Biru cair	
Ijazah Sarjana Muda	2 jalur kecil		
Ijazah Sarjana		Biru gelap	
Ijazah Doktor Falsafah	2 jalur kecil, 1 jalur besar	Hijau gelap	

- 6.6 Warna *hood* graduan mengikut fakulti adalah sebagaimana jadual di bawah:

FAKULTI	WARNA HOOD
Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan	Ungu
Fakulti Pengajian Peradaban Islam	Oren (<i>coral</i>)
Fakulti Multimedia Kreatif & Komputeran	Merah hati (<i>maroon</i>)
Fakulti Pendidikan	Hijau (<i>lime green</i>)
Fakulti Syariah & Undang-undang	Kelabu
Fakulti Sains Sosial	Emas

- 6.7 Bagi membantu graduan mengenali pakaian akademik UIS, sila rujuk panduan bergambar “Kenali Pakaian Akademik UIS” melalui pautan berikut: https://drive.google.com/file/d/1lUKU8VJaR2KxDN3f7aFjWeiqPXCHbY8h/view?usp=drive_link
- 6.8 Bagi panduan “Tatacara Pemakaian Pakaian Akademik Graduan UIS”, sila rujuk pautan berikut: <https://www.youtube.com/watch?v=jh3U6BY9stA>

6.9 Carta saiz bagi jubah graduan adalah sebagaimana jadual berikut:

Saiz	Labuh (<i>length</i>)		Lengan (<i>sleeve</i>)		Bahu (<i>shoulder</i>)		Dada (<i>chest</i>)	
	INCI	CM	INCI	CM	INCI	CM	INCI	CM
XS	43	110	16	41	16.5	42	42	107
S	45	115	17	43	17	43	45	115
M	47	119	18	45	17.5	44	46	117
L	49	124	19	47	18	45	47	119
XL	51	130	20	49	18.5	46	48	121
2XL	53	135	21	51	19	47	49	124

* Setiap ukuran tertakluk kepada toleransi (+) / (-) sebanyak 5%.

* Bagi lain-lain saiz jubah yang tidak dinyatakan, mohon dimaklumkan kepada petugas.

6.10 **Penalti** akan dikenakan dalam kes-kes berikut (tertakluk kepada pindaan):

BIL	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Denda rosak/ hilang jubah PHD	800.00 per item
2.	Denda rosak/ hilang jubah DIP/ ISM/ SJN	600.00 per item
3.	Denda rosak/ hilang selempang anugerah	300.00 per item
4.	Denda rosak/ hilang <i>bonnet</i>	
5.	Denda rosak/ hilang <i>mortarboard</i>	200.00 per item
6.	Denda rosak/ hilang <i>hood</i> fakulti	
7.	Denda rosak/ hilang Kad RFID Graduan	10.00 per item
8.	Denda pengambilan lewat Pakaian Akademik (dalam tempoh hari bekerja)	10.00 per hari
9.	Denda pemulangan lewat Pakaian Akademik (dalam tempoh 30 hari bekerja)	
10.	Denda pemulangan lewat Pakaian Akademik (pada/ selepas 31 hari bekerja)	Kadar penalti rosak atau hilang per item

- 6.11 Pembayaran boleh dibuat di Kaunter Bahagian Hasil & Kewangan Pelajar (BHKP), Pejabat Bendahari seperti ketetapan berikut:

HARI	MASA
Isnin – Khamis	9.00 pagi – 1.00 tengah hari
	2.00 petang – 4.30 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12:15 tengah hari
	3.00 petang – 4.30 petang

Nota:

UIS **tidak beroperasi** pada hari Sabtu, Ahad & Cuti Kelepasan Am.

- 6.12 **Mohon perhatian** graduan terhadap perkara berikut:

- Graduan/ wakil hanya dibenarkan mengambil/ memulangkan Pakaian Akademik **mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan** (terkecuali bagi graduan yang terlibat dengan Perkara 6.3 (f)).
- Graduan digalakkan mengambil Pakaian Akademik sendiri untuk menentukan saiz yang sesuai.
- Sila semak dengan teliti** bagi memastikan item yang diterima berada dalam keadaan yang baik.
- Penukaran item tidak dibenarkan selepas meninggalkan kaunter.**
- Graduan tidak dibenarkan membuat pengubah suaian (*alteration*) pada mana-mana bahagian Pakaian Akademik yang dipinjam.

Nota:

Borang Pengesahan Istiadat Konvokesyen dan **Borang Pengesahan Pemulangan Jubah** boleh diisi yang dicetak daripada aplikasi MyKonvo di laman sesawang <https://konvo.uis.edu.my>.

7.0 PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 7.1 Sijil dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan Pakaian Akademik (mengikut tarikh yang telah ditetapkan).
- 7.2 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Sijil dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh Istiadat Konvokesyen di Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik.
- 7.3 Pihak UIS tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/ kehilangan dan sebagainya ke atas Sijil dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.4 Sila kemukakan **Resit Rasmi UIS** (bayaran Yuran Graduasi) dan **Slip Pemulangan Pakaian Akademik** semasa berurusan mendapatkan Sijil dan Transkrip Akademik.
- 7.5 Graduan boleh mewakili individu lain untuk mengambil Sijil dan Transkrip Akademik dengan cara mengisi dan memuat turun Borang Surat Kuasa Pengambilan Sijil dan Transkrip Akademik (*Authorisation of Scroll and Academic Transcript Collection*) serta mengemukakan salinan kad pengenalan graduan dan juga wakil dan resit bayaran yuran graduasi.
- 7.6 Sijil dan Transkrip Akademik juga boleh dimohon melalui kaedah pengeposan dengan permohonan rasmi melalui e-mel transcript@uis.edu.my dan menyertakan **resit rasmi UIS (bayaran Yuran Graduasi)**, **alamat terkini beserta wang pos sebanyak RM 10.00 (pemohon tempatan)**.
- 7.7 Caj pos bagi luar negara akan dimaklumkan mengikut caj negara pemohon.
- 7.8 Pihak UIS tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/ kerosakan Sijil dan Transkrip Akademik yang dimohon melalui pos.
- 7.9 Graduan hendaklah **menjelaskan segala yuran pengajian tertunggak dan Yuran Graduasi sebelum dibenarkan menyertai Istiadat Konvokesyen serta mengambil Sijil dan Transkrip Akademik** (sila rujuk Perkara 6.3.1 (c) dan (d)) Peraturan Akademik Prasiswazah UIS (Pindaan 2025) / Peraturan Akademik Pascasiswazah UIS (Pindaan 2024).

8.0 KEHILANGAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 8.1 Sijil dan Transkrip Akademik hanya dikeluarkan **sekali sahaja**.
- 8.2 **Tiada sebarang penggantian** dibuat sekiranya dokumen ini hilang atau rosak.
- 8.3 Oleh itu, graduan dinasihatkan untuk menyimpan Sijil dan Transkrip Akademik dengan baik dan selamat.
- 8.4 Sekiranya Sijil atau Transkrip Akademik hilang atau rosak, pihak UIS akan mengenakan caj sebanyak **RM 50.00** (Sijil) dan **RM 20.00** (Transkrip Akademik) berserta satu laporan polis untuk cabutan Sijil atau Transkrip Akademik.
- 8.5 Cabutan Sijil atau Transkrip Akademik boleh dikeluarkan dalam tempoh satu (1) minggu selepas menerima Borang Permohonan Sijil dan Transkrip Akademik yang boleh didapati di Seksyen Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik.

9.0 KESILAPAN MAKLUMAT DALAM SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- 9.1 Sebaik sahaja menerima Sijil dan Transkrip Akademik, graduan hendaklah menyemak untuk mengenal pasti sebarang kesilapan.
- 9.2 Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Sijil atau Transkrip Akademik, ianya akan diganti baharu dengan syarat **kesilapan itu berpunca daripada UIS** dan hendaklah dilaporkan secara bertulis dalam tempoh **tiga (3) bulan** selepas tarikh Istiadat Konvokesyen.
- 9.3 Selepas tempoh ini, Sijil dan Transkrip Akademik tidak akan lagi dikeluarkan.

10.0 PENGKELASAN TARAF KEDUDUKAN BERDASARKAN JUMLAH HPNG

Taraf Kedudukan	Himpunan Purata Nilai Gred
Pertama	3.75 - 4.00
Kedua (Atas)	3.00 - 3.74
Kedua (Bawah)	2.00 - 2.99

11.0 TAKLIMAT GRADUAN

- 11.1 Taklimat pelaksanaan Istiadat Konvokesyen Ke-29 UIS kepada graduan akan diadakan **secara dalam talian** pada 7 Ogos 2026 (Jumaat), jam 10.00 pagi.
- 11.2 Pautan taklimat akan dikongsikan melalui medium e-mel dan saluran (*channel*) <https://whatsapp.com/channel/0029VbCtIWfKWEKk34B3mh40>.

12.0 PAS MASUK

- 12.1 Setiap graduan akan diberi pas kenderaan sebagai kebenaran (akses) masuk ke kampus bagi menghadiri Istiadat Konvokesyen Ke-29 UIS.
- 12.2 Pas kenderaan hendaklah sentiasa dipamerkan di cermin kenderaan semasa memasuki kampus. Kenderaan graduan atau tetamu yang tidak mempamerkan pas kenderaan **tidak dibenarkan** masuk ke kampus.

13.0 RAWATAN KECEMASAN

- 13.1 Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM)/ St. John Ambulans Malaysia yang dilantik akan bertugas semasa Istiadat Konvokesyen untuk memberi rawatan kecemasan (sahaja) kepada graduan (sekiranya berkenaan).
- 13.2 Sila hubungi Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen bertugas sekiranya anda memerlukan rawatan kecemasan.
- 13.3 Graduan dan tetamu dinasihatkan untuk bersarapan terlebih dahulu (terutamanya kepada graduan yang mengalami masalah kesihatan seperti gastrik) sebelum memasuki dewan.
- 13.4 Sekiranya graduan mengalami masalah kesihatan yang ketara dan bermasalah untuk beratur seperti tiada keupayaan berjalan, graduan wanita yang mengandung, wanita yang baru lepas bersalin atau memakai kerusi roda, sila lapor diri terus kepada Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen yang bertugas agar proses memasuki dewan dipercepatkan.


14.0 LALUAN MASUK DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN

14.1 Laluan Masuk Kenderaan Graduan atau Tetamu Ke Dalam Kampus

Graduan/ tetamu yang memasuki UIS hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Pengawal Keselamatan, anggota Askar Wataniah dan anggota RELA yang bertugas sepanjang hari Istiadat Konvokesyen.

14.2 Tempat Letak Kenderaan Graduan dan Zon Menurunkan Graduan oleh Tetamu

- a) Tempat letak kenderaan akan disediakan di zon-zon yang bersesuaian sepertimana yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan UIS.
- b) Graduan/ tetamu hendaklah mematuhi arahan petugas keselamatan bagi melancarkan urusan Istiadat Konvokesyen.
- c) Zon letak kenderaan dapat dilihat pada gambar rajah di bawah:



PETUNJUK

BIL.	ZON	LOKASI	KETERANGAN
1.		-	LALUAN MASUK / KELUAR
2.		-	DILARANG MASUK
3.	ZON A	PARKIR UTAMA	PARKIR AJK
4.	ZON B	PARKIR PUSAT LATIHAN UIS	PARKIR GRADUAN
5.	ZON C	PARKIR IT / DATARAN DEWAN SULTAN IDRIS SHAH	PARKIR DIRAJA / AMBULAN, MENTERI BESAR, PRO CANSELOR 1 & 2, DAN NAIB CANSELOR
6.	ZON D	PARKIR BELAKANG DEWAN SULTAN IDRIS SHAH	PARKIR GRADUAN
7.	ZON E	PARKIR BLOK AKADEMIK 1	PARKIR GRADUAN
8.	ZON F	PARKIR BLOK AKADEMIK 4	KAWASAN EKSTIVAL
9.		PARKIR RUMAH KAYAK / PUSAT SUKAN	PARKIR ALUMNI
10.		PARKIR BELAKANG DEWAN SULTAN IDRIS SHAH	PARKIR VIP

PETUNJUK

BIL.	ZON	LOKASI	KETERANGAN
11.	DZ1	LOBI UTAMA	DROP ZON VVIP
12.	DZ2	PINTU 1 - BERDEPAN PARKIR VIP	DROP OFF VVIP / VIP
13.	DZ3	BERHAMPIRAN DENGAN PARKIR PENGURUSAN DI BLOK PENTADBIRAN	DROP OFF GRADUAN
14.	D1	PARKIR TEPI JALAN PINGGIRAN SUNGAI	PARKIR GRADUAN
15.	A1	PARKIR SELEPAS BULATAN UIS	PARKIR GRADUAN
16.	A2	PARKIR SELEPAS PARKIR KETUA PTJ	PARKIR GRADUAN
17.		KHEMAH MODULAR	TEMPAT MAKAN VIP
18.		PARKIR DEPAN STUDENT VILLE	PARKIR STAFF / KAKI TANGAN

ISTIADAT KONVOKESYEN UIS KE - 29
(SIDANG 2 DAN 3) PADA 13 OGOS 2026

15.0 ETIKA PAKAIAN, PENAMPILAN DAN SAHSIAH

15.1 Graduan Lelaki:

- ✓ Rambut **pendek, kemas** dan **tidak menjejaki kolar baju**.
- ✓ Pakaian Akademik yang lengkap (disediakan oleh UIS).
- ✓ *Lounge suit* (*blazer* dan seluar *slack*) berwarna gelap.
- ✓ Berkemeja lengan panjang dengan tali leher dan berseluar gelap.
- ✓ Baju Kebangsaan yang sopan, bertutup penuh, menutup aurat dan bersesuaian dengan protokol majlis rasmi dan Istiadat Konvokesyen.
- ✓ Baju Melayu (warna bebas) berbutang lima dan bersamping songket.
- ✓ Kasut formal gelap bertutup penuh.
- ✗ Kurta/ Baju Melayu Raihan/ Johor (leher Teluk Belanga) **TIDAK DIBENARKAN**.
- ✗ Kemeja T dan seluar jeans **TIDAK DIBENARKAN**.
- ✗ Sandal/ kasut sukan/ kasut but/ capal/ selipar **TIDAK DIBENARKAN**.

15.2 Graduan Perempuan:

- ✓ **Sopan, menutup aurat** serta **menepati syariah**.
- ✓ Pakaian Akademik yang lengkap (disediakan oleh UIS).
- ✓ Baju kurung atau jubah. Graduan yang mengandung boleh memakai pakaian yang bersesuaian.
- ✓ Baju Kebangsaan yang sopan, bertutup penuh, menutup aurat dan bersesuaian dengan protokol majlis rasmi dan Istiadat Konvokesyen.
- ✓ Pemakaian niqab/ pelitup muka adalah dibenarkan, namun **hendaklah dibuka** semasa sesi pengambilan skrol di atas pentas.
- ✓ Warna pakaian bebas.
- ✓ Kain jenis 'lace' boleh dipakai dengan syarat ada 'lining'.
- ✓ Tudung kosong dan tidak bercorak.
- ✓ Kasut formal gelap bertutup penuh dan bersarung kaki. Jika kasut bertumit, tinggi tumit hendaklah tidak melebihi 2 inci.
- ✗ Sandal/ kasut sukan/ kasut but/ selipar **TIDAK DIBENARKAN**.

15.3 Tetamu Lelaki:

- ✓ *Lounge suit* (*blazer* dan seluar *slack*) berwarna gelap.
- ✓ Berkemeja dan berseluar gelap.
- ✓ Baju Kebangsaan yang sopan, bertutup penuh, menutup aurat dan bersesuaian dengan protokol majlis rasmi dan Istiadat Konvokesyen.
- ✓ Sepasang Baju Melayu (warna bebas) berbutang lima dan bersamping songket.
- ✓ Kasut formal gelap bertutup penuh.
- ✗ Kurta/ Baju Melayu Raihan/ Johor (leher Teluk Belanga) **TIDAK DIBENARKAN.**
- ✗ Tanjak/ tengkolok/ topi **TIDAK DIBENARKAN.**
- ✗ Kemeja T dan seluar jeans **TIDAK DIBENARKAN.**
- ✗ Sandal/ kasut sukan/ kasut but/ capal/ selipar **TIDAK DIBENARKAN.**

15.4 Tetamu Perempuan:

- ✓ Baju kurung atau jubah. Fesyen baju berseluar **TIDAK DIBENARKAN.**
- ✓ Baju Kebangsaan yang bertutup penuh, dan bersesuaian dengan protokol majlis rasmi dan Istiadat Konvokesyen.
- ✓ Berpakaian sopan dan menutup aurat.
- ✓ Warna pakaian bebas.
- ✓ Kasut formal gelap bertutup penuh dan bersarung kaki.
- ✗ Kemeja T dan seluar jeans **TIDAK DIBENARKAN.**
- ✗ Sandal/ kasut sukan/ kasut but/ selipar **TIDAK DIBENARKAN.**

Nota:

Graduan/ tetamu dikehendaki mematuhi Etika Pakaian dan mengikut penampilan yang telah ditetapkan sebelum dibenarkan masuk ke dalam dewan untuk mengikuti Istiadat Konvokesyen.

CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN AKADEMIK MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN



GRADUAN PROGRAM DIPLOMA

- *Mortarboard* (topi petak warna hitam)
- Jubah (biru cair, 1 jalur lengan warna putih)
- **Tiada hood**
- Selempang putih (**penerima Anugerah Akademik sahaja**)



GRADUAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

- *Mortarboard* (topi petak warna hitam)
- Jubah (biru cair, 2 jalur lengan warna putih)
- *Hood* (mengikut warna fakulti)
- Selempang putih (**penerima Anugerah Akademik sahaja**)

CONTOH PEMAKAIAN PAKAIAN AKADEMIK MENGIKUT PROGRAM PENGAJIAN



GRADUAN PROGRAM SARJANA

- *Mortarboard* (topi petak warna hitam)
- Jubah (biru gelap, 2 jalur lengan warna emas)
- *Hood* (mengikut warna fakulti)
- Selempang putih (**penerima Anugerah Akademik sahaja**)



GRADUAN PROGRAM IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

- *Bonnet* (topi bulat warna hitam)
- Jubah (hijau gelap, 3 sulaman jalur lengan warna emas)
- **Tiada hood**
- Selempang putih (**penerima Anugerah Akademik sahaja**)

16.0 SEWAAN DAN PERKHIDMATAN BAGI GRADUAN YANG TIDAK MENEPATI ETIKA PAKAIAN, PENAMPILAN DAN SAHSIAH

- 16.1 Pihak UIS telah menetapkan **kadar bagi sewaan pakaian dan perkhidmatan menggunting rambut** bagi graduan yang tidak menepati etika pakaian, penampilan dan sahsiah.
- 16.2 Kadar rata (*flat rate*) sewaan bagi setiap pinjaman dan peralatan sebanyak RM 10.00 bagi setiap item sebagaimana jadual di bawah:

BIL	PERKARA	KADAR (RM)
1.	Sewaan baju kemeja/ seluar slack/ tali leher	10.00 per item
2.	Sewaan jubah/ skirt/ tudung tidak bercorak	
3.	Sewaan kasut formal bertutup	
4.	Perkhidmatan menggunting rambut	

- 16.3 Sekiranya graduan didapati merosakkan atau tidak membuat pemulangan pakaian dan peralatan yang disewa, maka dikenakan penalti sebanyak **RM 20.00** (tidak termasuk kos item) bagi setiap item yang akan dikenakan.
- 16.4 Graduan yang terlibat perlu mengisi borang maklumat diri terlebih dahulu dan membuat pembayaran sebelum dibenarkan menyewa/ menggunakan peralatan seterusnya dibenarkan masuk ke dalam dewan.

17.0 PENGAMBILAN GAMBAR ISTIADAT KONVOKESYEN

- 17.1 Para graduan **tidak dibenarkan mengambil gambar** atau mendapatkan bantuan individu lain untuk berbuat demikian semasa istiadat berlangsung di dalam dewan.
- 17.2 Semua gambar semasa Istiadat Konvokesyen akan dikendalikan oleh **syarikat fotografi yang dilantik** oleh UIS.
- 17.3 Perkhidmatan fotografi rasmi sempena Istiadat Konvokesyen ditawarkan melalui pakej berikut:

BIL	PAKEJ	KETERANGAN	HARGA
1	Asas	3 keping gambar (saiz 11R, 8R dan 5R) - Fujicolor <i>Archive Paper (Glossy)</i> <i>Softcopy</i> beresolusi tinggi	RM 5.00
2	Premium	3 keping gambar (saiz 11R, 8R dan 5R) - Kemasan tekstur, laminasi perlindungan <i>Digital touch-up (editing)</i> <i>Softcopy</i> beresolusi tinggi	RM 30.00

* Lain-lain pakej akan dimaklumkan semasa Hari Pengambilan Jubah dan Hari Pemulangan Jubah.

- 17.4 Graduan akan dibekalkan kupon nombor selepas menerima sijil sewaktu Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung sebagai rujukan semasa pembelian.
- 17.5 Tempoh penyiapan gambar adalah **bergantung pada pakej** yang dipilih.

18.0 BAHAGIAN ALUMNI

18.1 KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPT (*TRACER'S STUDY*)

- a) Semua graduan **diwajibkan** melengkapkan **Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 2026)** melalui pautan:
<https://graduan.mohe.gov.my/SKPG26/LogMasuk.aspx>
- b) Semua graduan dikehendaki mengemukakan **satu salinan pengesahan kemas kini maklumat SKPG** semasa Hari Pengambilan Pakaian Akademik.

18.2 PORTAL ALUMNI

- a) Semua graduan **diwajibkan** melengkapkan dan mengemas kini maklumat di Portal Alumni (Sistem Perhubungan Alumni – ALUMNiSPA) melalui pautan:
<http://alumnispa.uis.edu.my/>
- b) Semakan akan dibuat semasa Hari Pengambilan Pakaian Akademik.

19.0 PERTANYAAN/ MAKLUMAT LANJUT

Untuk sebarang pertanyaan berhubung perkara berikut sila hubungi;

1.	Pertanyaan am berkaitan Istiadat Konvokesyen	✉	konvo@uis.edu.my
2.	Seksyen Peperiksaan & Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA)	☎	03 - 8911 7000
		☎	1208, 1209, 1218 dan 3325
		✉	transcript@uis.edu.my
3.	Bahagian Hasil & Kewangan Pelajar (BHKP), Pejabat Bendahari	☎	03 - 8911 7000
		☎	3332, 3344, 3335 dan 3399
		✉	studentfinance@uis.edu.my
4.	Bahagian Alumni (BA) - Kajian Pengesanan Graduan - Portal Alumni	☎	03 - 8911 7000
		☎	3541 dan 3544
		✉	alumni@uis.edu.my

Sekalung tahniah diucapkan sekali lagi kepada semua graduan dan selamat menerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.


Sekian, terima kasih.

Daripada,

Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen Ke-29

Universiti Islam Selangor

CARTA ALIR PROSES PENGAMBILAN PAKAIAN AKADEMIK



Nota:

- Penukaran *item* hanya boleh dibuat **selepas sesi raptai** (tertakluk kepada baki stok dan kelulusan petugas).
- Sila pastikan kesemua item **telah disemak** sebelum meninggalkan kaunter.
- Pihak UIS tidak akan bertanggungjawab** ke atas sebarang kesalahan/ kesilapan yang berlaku akibat kecuaiannya individu selepas graduan/ wakil meninggalkan kaunter.

CARTA ALIR PROSES PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK SERTA PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK



Nota:

- Item yang **tidak perlu dipulangkan** semasa berurusan adalah seperti berikut:
 - Folder graduan (dengan kemasan *emboss* logo & *lapel* berwarna emas);
 - *Tote bag* Istiadat Konvokesyen UIS & cenderahati alumni;
 - Penyangkut pakaian (*hanger*) dobi;
 - Plastik pembungkusan jubah/ *hood*/ *mortarboard*/ *bonnet*.
- Graduan diminta untuk **tidak mencuci set Pakaian Akademik bagi mengelakkan risiko kerosakan/ kehilangan aset** milik UIS.
- Set Pakaian Akademik yang dipulangkan mestilah berada dalam keadaan baik (tanpa kecacatan/ *alter* kekal/ koyak/ tetas/ kotoran dan lain-lain kerosakan yang mengakibatkan aset tersebut tidak dapat digunakan.
- Sila semak semua butiran pada borang/ dokumen berkaitan sebelum meninggalkan kaunter.
- Pihak UIS tidak akan bertanggungjawab** ke atas sebarang kesalahan/ kesilapan yang berlaku akibat kecuai individu selepas graduan/ wakil meninggalkan kaunter.

SENARAI SEMAK UMUM
GRADUAN HADIR ISTIADAT KONVOKESYEN KE-29

BIL.	PERKARA	PAUTAN/ CATATAN	(✓)
1	Menyemak status hutang	http://onlineapp.uis.edu.my:8080/alumni/login.jsp	
2	Menjelaskan tunggakan yuran		
3	Menyemak butiran & susunan sidang	http://konvo.uis.edu.my/	
4	Membuat pengesahan kehadiran		
5a	Membuat tempahan saiz jubah		
5b	* Mengisi butiran wakil		
6	Melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan 2026 (SKPG KPT)	https://graduan.mohe.gov.my/SKPG26/LogMasuk.aspx	
7	Kemas kini butiran pada Portal ALUMNiSPA	http://alumnispa.uis.edu.my/	
8	Muat turun surat	Jemputan ke Istiadat Konvokesyen	
		Jemputan Menghadiri Raptai	
9	Muat turun dan cetak dokumen berkaitan	Pengesahan Istiadat Konvokesyen	
		Borang Peminjaman Jubah	
		Slip SKPG KPT	
		Resit pembayaran yuran graduasi	
		* Salinan kad pengenalan wakil	
10	Hadir ke Hari Pengambilan Pakaian Akademik	Bawa dokumen yang dinyatakan pada Perkara 9	
		Bawa bersama kad pelajar	
		** Bawa bersama dan serahkan skrol serta transkrip akademik	
		Membuat tempahan pakej fotografi	

Nota:

* Hanya diperlukan sekiranya wakil yang hadir berurusan

** Hanya diperlukan sekiranya graduan telah mengambil skrol dan transkrip awal (cagaran).

SENARAI SEMAK UMUM
GRADUAN TIDAK HADIR ISTIADAT KONVOKESYEN KE-29

BIL.	PERKARA	PAUTAN	(√)
1	Membuat pengesahan kehadiran	http://konvo.uis.edu.my/	

SENARAI SEMAK PROSES PENGAMBILAN SIJIL DAN TRANSKRIP AKADEMIK
GRADUAN TIDAK HADIR ISTIADAT KONVOKESYEN KE-29

BIL.	PERKARA	PAUTAN/ CATATAN	(√)
1	Menyemak status hutang	http://onlineapp.uis.edu.my:8080/alumni/login.jsp	
2	Menjelaskan tunggakan yuran		
3	Melengkapkan Kajian Pengesanan Graduan 2026 (SKPG KPT)	https://graduan.mohe.gov.my/SKPG26/LogMasuk.aspx	
4	Kemas kini butiran pada Portal ALUMNiSPA	http://alumnispa.uis.edu.my/	
5	Muat turun dan cetak dokumen berkaitan	Borang Pengambilan Skrol & Transkrip Akademik	
		Slip SKPG KPT	
		Resit pembayaran yuran graduasi	
		* Salinan kad pengenalan wakil	
6	Hadir berurusan di Pejabat Bahagian Alumni UIS	Serahan slip SKPG 1.0 KPT	
		Tuntutan cenderahati alumni	
	Hadir berurusan di Pejabat Bahagian Pengurusan Akademik UIS	Tuntutan folder dan beg graduan	
		Tuntutan Skrol & Transkrip Akademik	

Nota:

* Hanya diperlukan sekiranya wakil yang hadir berurusan



Disediakan oleh:

Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen Ke-29
Universiti Islam Selangor

Tarikh kemas kini (v2):

10 Julai 2026 | 4.30 PM